



TUANKU MUHRIZ TUANKU MUNAWIR dan Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud berkenaan bergambar bersama artis dan tetamu dalam Konsert Alhan Rabbaniyah di USIM kampus Nilai, Seremban, Negeri Sembilan, kelmarin. - UTUSAN/AIZZUL A.MAJID

Tuanku Muhriz tonton Konsert Alhan Rabbaniyah

SEREMBAN 22 Nov. - Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir mencemar duli menyaksikan konsert Alhan Rabbaniyah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di sini semalam.

Turut mencemar duli, Tunku Ampuan Besar, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud yang merupakan Canselor USIM.

Berangkat sama, Pro-Canselor USIM, Tunku Ali Tuanku Muhriz.

Konsert yang dianjurkan sem-

pena sambutan 15 tahun USIM itu menampilkan penyanyi legenda negara, Datuk Ramli Sarip, Opick, Sharifah Khasif serta urus setia kesenian pelajar USIM.

Pada konsert berkenaan, *Utusan Malaysia* menerima penghargaan atas kerjasama sebagai rakan strategik pesta konvokesyen USIM baru-baru ini.

Utusan Malaysia diwakili Ketua Jabatan Komunikasi Korporat dan Pengurusan Jenama Kumpulan Utusan, Ahmad Razif Moha-

med menerima sijil penghargaan daripada Tuanku Muhriz.

Yang turut hadir Ketua Biro *Utusan Malaysia* Negeri Sembilan, Ainol Amriz Ismail.

Konsert Alhan Rabbaniyah merupakan program anjuran bersama USIM dan Istana Budaya dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Terjemahan Buku Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) serta *Utusan Malaysia* sebagai

media rasmi.

Alhan Rabbaniyah merupakan persembahan pentas berkonsepkan teater muzikal yang menceritakan proses kehidupan dan kematian manusia bermula kelahiran seterusnya menjalani kehidupan dan berakhir dengan kepulangan kepada pencipta.

Hasil kutipan tiket konsert tersebut disumbangkan kepada badan kebajikan berdaftar di bawah JKM, Persatuan Kebajikan Al-Fikrah.